

PM harap ukhuwah komuniti Islam Malaysia, Russia terus dipereratkan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim berharap ukhuwah di antara komuniti Islam Malaysia dan Russia yang mempunyai lebih 25 juta umat Islam dapat dipereratkan lagi, merentasi sempadan geografi dan kepelbagaian budaya.

Perdana Menteri berkongsi aspirasi berkenaan dalam pertemuannya dengan Mufti Besar Russia, Sheikh Ravil Gaynutdin, sejurus selesai sesi pertemuan rasmi dengan Presiden Russia, Vladimir Putin di Kremlin, kelmarin.

“Kami bertukar pandangan mengenai pelbagai isu yang menjadi kepentingan bersama, termasuk usaha memperkukuh institusi Islam, memperluas pertukaran kepakaran, serta memperkasa industri halal di Russia dengan memanfaatkan kelebihan Malaysia sebagai peneraju pensijilan halal yang diiktiraf dunia,” katanya menerusi hantaran di Facebook.

Dalam pertemuan itu, Perdana Menteri turut merakamkan penghargaan atas peranan aktif Sheikh Ravil dalam mempromosi keharmonian antara agama dan membina persefahaman dalam masyarakat majmuk Russia.

“Ini adalah usaha yang amat berharga dalam dunia yang semakin dicalarai perpecahan, kebencian dan prejudis,” kata Anwar.

Sebagai simbol persahabatan dan ikhtiar dakwah, Anwar



Anwar menerima senaskhah al-Quran daripada Sheikh Ravil di Moscow.

(Foto BERNAMA)

menghadihkan Sheikh Ravil senaskhah al-Quran bersama terjemahan dalam bahasa Russia, selari aspirasi MADANI mewakafkan sejuta al-Quran ke seluruh dunia bagi memperluas kefahaman terhadap ajaran Islam serta menangkis gelombang Islamofobia.

Sebagai balasan penuh makna, Sheikh Ravil yang juga Pengerusi Lembaga Agama Islam Persekutuan Russia turut menghadihkan Perdana Menteri senaskhah al-Quran mushaf Uthmani dari Uzbekistan yang memiliki nilai sejarah dan menjadi simbol kelangungan ilmu serta wari-

san keindahan Islam yang merentasi benua dan zaman.

Anwar kini dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Rusia bermula 13 Mei atas undangan Putin. Beliau meneruskan segmen kedua lawatan dengan berkunjung ke Kazan, Tatarstan semalam. **BERNAMA**